

29 MAR 2002

Mahathir-Konvensyen

DR MAHATHIR RASMI KONVENSYEN BN S'GOR

SHAH ALAM, 29 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini merasmikan konvensyen Barisan Nasional (BN) Selangor, di Kompleks Belia dan Kebudayaan Negeri Selangor di Seksyen 7, di sini.

Dr Mahathir yang juga pengerusi BN, diarak oleh 700 buah motosikal yang ditunggangi 1,000 anggota Pemuda BN Selangor, ke dewan itu.

Perdana Menteri turut memeriksa perbarisan yang dianggotai 400 pemuda yang diserikan dengan paluan kompang, gendang India dan tarian singa.

Seramai 3,000 ketua, anggota dan wakil lima komponen BN menyertai konvensyen sehari ini. Yang turut dijemput ialah badan-badan bukan kerajaan dan badan-badan pelajar universiti.

Tema konvensyen BN Selangor itu ialah "Satu Wawasan, Satu Tekad Mencapai kemenangan Barisan Nasional".

Menteri Besar Selangor Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo pada sidang media Rabu lepas berkata tema ini dipilih bersesuaian dengan hasrat BN, terutama peringkat negeri untuk menjayakan matlamat "Pembangkang Sifar" menjelang pilihan raya umum akan datang.

Mohamad Khir berkata konvensyen ini juga mahu memperlihatkan konsep yang diamalkan selama ini iaitu kepelbagaian dalam kesatuan yang menurutnya merupakan konsep politik yang hanya terdapat di Malaysia.

Konvensyen ini diharap dapat memupuk kerjasama erat antara parti komponen, bukan hanya berlaku secara bermusim, malah sepanjang masa yang menyamai bersamaan dengan konsep berkongsi perayaan yang diamalkan selama ini, katanya.

Ketua parti komponen BN negeri akan membentangkan kertas kerja masing-masing pada sesi petang yang menyentuh kaedah pemantapan parti, strategi untuk memenangi pilihan raya, pengukuhan kepaduan BN dan pendaftaran BN.

Dr Mahathir juga akan melancarkan Buletin BN Selangor.

Pada tengah hari, Dr Mahathir akan mengadap Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah di Istana Bukit Kayangan Shah Alam diikuti majlis santapan tengah hari.

Dr Mahathir juga akan menunaikan sembahyang Jumaat di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

Pada sebelah petang, Perdana Menteri dijangka hadir pada majlis dialog dan perjumpaan dengan kakitangan kerajaan Selangor di Dewan Jubli Perak, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam.

-- BERNAMA

RIZ LAT